



**Petisyen Ahli-Ahli Parlimen
Malaysia Meminta Kerajaan
Meminda Akta Pencegahan &
Pengawalan Penyakit Berjangkit
1988 untuk Menurunkan Saman
RM 1000 untuk Kesalahan Tidak
Memakai Pelitup Muka di Kawasan
Sesak**

Kami, Ahli-ahli Parlimen Malaysia sebulat suara meminta kerajaan untuk meminda Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) untuk menurunkan denda RM 1000 bagi kesalahan tidak memakai pelitup muka di kawasan sesak yang terlalu tinggi terutamanya bagi golongan B40, pelajar, OKU dan lain-lain. Kami juga mencadangkan beberapa respon dan tindakan yang boleh dilaksanakan seperti berikut:

1. Sejak pelaksanaan polisi pelitup muka (face mask) mandatori di kawasan sesak pada 1 Ogos 2020, kami telah mendapat pelbagai rintihan dari orang awam berkenaan bukan sahaja kekeliruan mengenai polisi ini, tetapi bagaimana saman yang dikeluarkan adalah tidak setimpal dan saksama terutamanya kepada golongan miskin, OKU, pelajar dan B40
2. Definisi “tempat sesak” juga terlalu terbuka dan tidak jelas dan ini akan menimbulkan pelbagai kekeliruan dan ini juga akan menaikkan risiko akta ini disalah gunakan oleh segelintar pihak penguatkuasa.
3. Sejak penguatkuasaan, kita telah melihat bagaimana kes seperti kes seorang wanita yang keluar dari kereta untuk membeli barang dari pasar tetapi sedar bahawa beliau terlupa memakai pelitup muka dan telah berpatah balik ke kereta, tetapi juga telah disaman RM 1000. Selain itu, kita juga melihat kes seorang pelajar yang menangis apabila hanya menarik pelitup mukanya ke dahi semasa menunggu tibanya pengagkutan awam tersebut. Ini cuma beberapa contoh bagaimana polisi ini yang tidak begitu jelas boleh digunakan untuk menghukum secara berlebihan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.
4. Kalau kita lihat contoh di Australia, di mana denda untuk kesalah yang sama adalah AUD 200, tetapi, jumlah tersebut hanya 6.7% daripada gaji minima di Australia. Di Malaysia, RM 1000 adalah bersamaan 83% daripada gaji minima RM 1200 ini. Ini jelas kelihatan bahawa tidak begitu adil terutamanya jika hasrat kita adalah untuk mendidik dan bukan menghukum semata-matanya.
5. Kalau kita melihat kesalahan kesihatan awam yang lain termasuk merokok di kawasan awam termasuk perkarangan parlimen, denda yang dikenakan adalah RM 250, jauh lebih rendah daripada denda RM 1000 walaupun rokok juga akan memudaratkan kesihatan bukan sahaja perokok sendiri, tetapi orang di sekeliling mereka.

6. Oleh itu, kami bercadang agar kerajaan akan meminda Akta 343 tersebut dan memperkenalkan sama berperingkat untuk memastikan prinsip kesihatan awam dapat dicapai tanpa menghukum mereka yang bersalah secara berlebihan.

- Kesalahan kali pertama (First time offenders) - RM 250
- Kesalahan kali ke-2 - RM 500
- Kesalahan berikutnya - RM 1000

7. Kerajaan juga disarankan untuk mencari jalan untuk menyediakan pelitup muka percuma terutamanya untuk golongan miskin B40. Ahli-ahli Parlimen juga dapat bekerjasama bersamapihak kerajaan dan NGO-NGO Kesihatan Awam untuk mempertingkatkan kesedaran awam berkenaan betapa pentingnya polisi ini dan juga mengajar orang awam berkenaan penggunaan pelitup muka dengan betul dan juga cara terbaik untuk pembuangan pelitup muka tersebut.

8. Norma Baharu yang kita perlu lalui ini bukan hanya untuk beberapa minggu saja, maka kita haruslah sentiasa bersedia dan juga tidak melupai golongan yang paling terkesan dengan polisi sebegini. Hasrat kita haruslah untuk mendidik dan bukan sahaja untuk menghukum semata-matanya.

Pemakaian pelitup muka melindungi kita semua.

